

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PARLIMEN, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2021( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan dan kelulusan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6 di Pulau Sebatik yang telah diluluskan sejak 2016 serta apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kementerian dalam memulakan projek ini yang sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk Pulau Sebatik, Tawau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) dengan Kwarters di Pulau Sebatik diluluskan berikutan Klinik Kesihatan Sungai Tamang Pulau Sebatik, Tawau, Sabah tidak lagi beroperasi mulai 31 Mac 2014 atas faktor hakisan tanah. Operasi klinik tersebut telah dipindahkan sementara ke Klinik Desa Sungai Tongkang mulai 8 September 2014 yang terletak 15 kilometer melalui jalan darat dan 15 minit melalui jalan laut dari Klinik Kesihatan Sungai Tamang.
2. Antara halangan yang menjadi punca kelewatan projek ini ialah status pemilikan tanah yang hanya selesai diwartakan pada 8 Ogos 2019. Keluasan tapak yang diluluskan adalah 2.88 ekar, namun terdapat rizab jalan di antara tapak tersebut yang menyukarkan pihak JKR untuk menyediakan lukisan pembinaan.
3. Sehubungan itu, bagi bagi menempatkan kesemua skop yang diperlukan oleh Klinik Kesihatan Jenis 6, JKR Sabah telah menyediakan lukisan pembinaan terkini dengan membuat penjajaran semula rizab jalan tersebut.
4. Projek ini dijadualkan ditender pada bulan Januari 2022.

Sekian, terima kasih.